

Ekonomi digital disasar sumbang 25.5 peratus KDNK pada 2025

Sektor paling pesat berkembang jana RM73.24b tahun lalu

Oleh Mohd Nasaruddin Parzi
bhbiz@nstp.com.my

Kerajaan mengunjurkan sumbangan ekonomi digital negara kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) akan melonjak kepada 25.5 peratus menjelang 2025 berbanding 23.2 peratus ketika ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata transformasi digital adalah strategi utama untuk memastikan Malaysia muncul sebagai negara yang berjaya.

“Ekonomi digital berdiri sebagai salah satu tonggak ekonomi utama Malaysia kini menyumbang 23.2 peratus yang besar kepada KDNK negara.

“Kami mengunjurkan angka ini melonjak kepada 25.5 peratus (daripada KDNK) menjelang 2025,” katanya berucap melancarkan Malaysia Digital Expo 2023 (MDX 2023) di Kuala Lumpur, semalam.

Turut sama hadir, Menteri Komunikasi dan Digital, Fahmi Fadzil.

Anwar berkata, pada suku ketiga tahun lalu sahaja, ekonomi digital menjana AS\$15.7 bilion (RM73.24 bilion) dalam pelaburannya, mengukuhkan status sebagai salah satu sektor paling pesat berkembang.

“Usaha ditumpukan menerusi



Anwar bersama Fahmi pada majlis perasmian Malaysia Digital Expo 2023 di Kuala Lumpur, semalam.

(Foto Eizairi Shamsudin/BH)

inisiatif strategik nasional Malaysia Digital (MD) pada sembilan sektor penting iaitu perdagangan, pertanian, perkhidmatan, bandar pintar, penjagaan kesihatan, kewangan, kandungan, pelancongan dan ekonomi digital Islam.

“Sektor yang digalakkan ini mempunyai potensi pertumbuhan besar, menawarkan banyak peluang serta penting dalam memacu peralihan Malaysia kepada ekonomi digital,” katanya.

Beliau berkata, ketika membentangkan Belanjawan 2024, ia juga direka untuk memacu per-

tumbuhan inovasi digital dan teknologi generasi akan datang, sekali gus meletakkan Malaysia teguh di landasan menjadi ekonomi dipacu inovasi.

Dalam pada itu, Anwar menegaskan transformasi digital yang dianggap bidang baharu bagi sesetengah pihak, tidak seharusnya meminggirkan penduduk di kawasan pedalaman dan miskin bandar.

“Transformasi digital ini seolah-olah kita sedang menggapai langit baharu. Bukan sahaja meneroka yang baharu, tapi menggapai yang baharu. (Bidang)

mencabar yang belum selesai dalam kalangan segelintir rakyat.

“Sebab itu, kita bicara tentang penglibatan ramai supaya dalam menggapai langit itu, ia tidak meninggalkan rakyat di bawah, terutama di pedalaman dan miskin bandar,” katanya.

MDX perkasa ekonomi digital

Sementara itu, Fahmi berkata, Kementerian Komunikasi dan Digital (KKD) akan meneliti untuk menjadikan MDX 2023 sebagai acara tahunan dalam usaha memperkasakan ekonomi digital di negara ini.

Beliau berkata, MDX juga berupaya menjadi daya tarikan bagi negara dari rantau Asia Tenggara untuk membawa syarikat mereka membuka pavilion pada ekspo berkenaan.

“Ia akan menjadikan Malaysia sebagai satu daripada destinasi bagi acara seperti ini di rantau Asia Tenggara. Ini kali pertama kita mengusahakan program sebesar ini di bawah Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC),” katanya.

Fahmi berkata, pelbagai acara berkaitan ekonomi digital turut diadakan sebelum ini termasuk di Kuala Lumpur, Kuching, Sarawak dan Melaka sebagai usaha memantapkan ekonomi digital selain menerusi 18 acara sokongan oleh MDEC.

Acara kemuncak MDX 2023 yang berlangsung tiga hari bermula semalam merangkumi pameran dan menampilkan barisan penceramah terkemuka dalam pelbagai industri yang akan berkongsi pengalaman serta kepakaran masing-masing melalui siri persidangan serta sesi jaringan strategik.

Malam Anugerah MDX 2023 turut diadakan bagi memberikan penghargaan serta mengiktiraf pencapaian cemerlang ekosistem teknologi digital tempatan yang telah menyumbang ke arah pertumbuhan ekonomi digital Malaysia.

Ia akan mengetengahkan penceramah futuris terkemuka dalam bidang kecerdasan buatan (AI), Zack Kass; Ketua Asia Pasifik Zoom, Ricky Kapur; Penasihat Negara Pejabat Pelaburan Turkiye, Ahmed Emre Buyukkilic dan Pengarah Pihak Berkuasa Peppol Jepun, Hiroyuki Kato.